

ICLLIE2017
WORLDWIDE CONFERENCE ON LIFELONG LEARNING FOR ISLAMIC EDUCATION

FAKTOR PEMILIHAN GOLONGAN PROFESIONAL TERHADAP PEMBELAJARAN FORMAL PENGAJIAN ISLAM

**Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas,
Khairul Hamimah Mohamad Jodi & Hamidah Mat**





Pendahuluan


- Program pengajian agama dianjurkan di merata tempat terutama di masjid dan surau. Masjid sebagai contoh kebiasaannya menyediakan bidang pengajian keagamaan yang lengkap seperti akidah, fiqh, al-Quran, tafsir, hadis dan sebagainya. Lebih berkonsepkan pendidikan tidak formal (Fakhrul Adabi Abdul Kadir, 2007).
- Perbahasan ayat atau hadis berulang kali atau bertindan dengan pengajar yang lain. Kitab yang diajar pula kerap tidak habis atau bertukar-tukar mengikut kemahuan pengajar dan ahli jemaah.
- Selari dengan kemajuan teknologi, pengajian agama juga berlaku dengan rancak di media elektronik.



- Belajar secara berterusan selari dengan seruan ayat al-Quran dan hadis serta kata-kata ilmuan terdahulu.
- Abu Amru Ibn Ala' ditanya, "Sampai usia berapakah sebaiknya seorang itu belajar? Beliau menjawab, selama hayat dikandung badan adalah baik untuk belajar" (Ibn Khallikan, 1994; Shalaby, 1976).
- Seorang cendikiawan ditanya, "Apakah batas usia untuk belajar? Jawab beliau, sepanjang hayat" (al-Isfahani, 1420H).
- Orang yang sihat badan dan akalnya sama sekali tidak mempunyai alasan untuk tidak belajar betapapun usianya sudah lanjut (al-Zarnuji, 1981).
- Seseorang itu adalah tetap sebagai seorang yang berilmu selagi ia masih mempunyai kemahuan untuk belajar, tetapi apabila dia menyangka dia sudah pandai maka sesungguhnya dia telah menjadi bodoh (Ibn Qutaybah, 1418H).
- Para sahabat Nabi SAW mempelajari ilmu ketika usia mereka sudah lanjut sebagaimana diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam Sahihnya (Shalaby, 1976).



- Pengkaji cuba melihat faktor yang mendorong golongan profesional memilih untuk belajar secara formal dalam bidang pengajian Islam, khususnya di Open University Malaysia.
- Persoalan ini timbul dan menarik minat pengkaji kerana jika dilihat kepada keadaan semasa, mereka boleh mendapatkan ilmu-ilmu agama dari masjid/surau berdekatan, atau menonton video, atau mendapatkannya dari buku atau laman web jika timbul kemusykilan agama. Juga boleh bertanya kepada ustaz/guru agama di sekitar mereka. Dalam masa yang sama juga mereka adalah golongan yang dianggap sibuk dengan jadual tugas rasmi mereka.




Profesional

Mereka yang bergiat dalam bidang profesion seperti undang-undang, perubatan dan lain-lain, atau mereka yang memiliki kemampuan atau kemahiran yang khusus untuk melaksanakan sesuatu dengan cekap, atau juga profesion tersebut menjadi satu mata pencarian (Noresah Baharum, 2007).



PSH

Pembelajaran yang berterusan sejak dari lahir sehingga ke liang lahad, sama ada secara formal atau tidak formal, sedar atau tidak, secara berkumpulan atau individu. Perkara yang baru dan berbeza dihadapi setiap hari dan ia memerlukan proses pembelajaran untuk menghadapinya (Tovey & Lawlor 2011 dlm Tuan & Kamin, 2014).



Agenda kerajaan

- Menjadikan ia agenda penting apabila memasukkannya sebagai teras keenam dalam Pelan Statetik Pendidikan Tinggi Negara.
- Kerajaan juga melancarkan Pelan Induk Pembelajaran Sepanjang Hayat pada tahun 2011.




Kajian Tuah & Kamin (2014) bertajuk Faktor-faktor pendorong pembelajaran sepanjang hayat untuk kursus secara sambilan di Politeknik Kuching yang dilakukan terhadap pelajar lepasan SPM, Sijil Kemahiran, Sijil Kolej Komuniti, Sijil Politeknik dan yang setaraf mendapati faktor keinginan untuk melanjutkan pelajaran atas inisiatif sendiri merupakan faktor paling tinggi diikuti dengan faktor untuk meningkatkan taraf profesion, berminat untuk menambah ilmu dan program pengajian yang dijalankan relevan dengan pekerjaan serta masa depan.



Pengajian Islam di OUM

- OUM menawarkan empat program dalam bidang pengajian Islam. Ia mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat. Dilaksanakan dalam mode separuh masa dan terbuka kepada semua, dari lepasan SPM sehingga lepasan sarjana.
- Majoriti pelajar daripada kalangan orang dewasa yang berkerjaya.
- Pelajar pengajian Islam termasuklah dari kalangan profesional yang tidak mempunyai latar belakang pengajian Islam, namun mempunyai minat yang tinggi untuk mengikuti pengajian secara formal dalam pengajian Islam.
- Kebanyakan mereka (profesional) mempunyai pengalaman berkerja atau pernah melalui pengajian secara informal dan non formal dalam bidang pengajian Islam.
- Melalui kemasukan menerusi APEL, pelajar ini ditempatkan dan bersaing dengan pelajar berlatar belakang pengajian Islam sepenuhnya.



Objektif kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah untuk mengetahui apakah faktor yang mendorong golongan profesional memilih program pengajian Islam secara formal khususnya di OUM.

Selain itu, pengkaji ingin mengetahui apakah faktor utama dalam pemilihan yang mereka lakukan.




Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data dikumpul melalui temu bual, pemerhatian turut serta dan menganalisis dokumen yang berkaitan dengan kajian. Seterusnya proses triangulasi data digunakan untuk bagi menghasilkan kumpulan data yang lebih meyakinkan. Data-data yang diperoleh kemudiannya telah dianalisis secara analisis kandungan bertema, iaitu pengasingan data dilakukan berdasarkan kepada tema-tema yang timbul (Howitt & Cramer, 2008).



Kajian ini melibatkan empat cawangan terpilih iaitu Tawau, Terengganu, Kuala Lumpur dan Bangi. Pelajar dari cawangan tersebut dipilih kerana terdapat golongan profesional yang menepati kehendak kajian ini iaitu mempunyai pengalaman dalam bidang profesional selama 10 tahun, masih bekerja, mantap dalam kerjaya, berpendapatan melebihi sepuluh ribu ringgit dan berumur 35 tahun ke atas. Seramai 8 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada peguam (3 orang), doktor pakar (2 orang), juruterbang (1), jurutera (1) dan profesor ekonomi (1). Penglibatan pelajar dalam kajian ini adalah secara sukarela. Temu bual kajian menggunakan bentuk soalan separa berstruktur, pengkaji memberikan kebebasan kepada setiap pelajar memberi pandangan, namun pengkaji masih bertanggungjawab memastikan topik yang dibincangkan terkawal dan tidak lari dari tujuan asal kajian. Skrip temu bual kepada pelatih dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu latar belakang, faktor menyambung pengajian dan faktor memilih kursus Pengajian Islam.



Dapatan dan Perbincangan

- Berdasarkan temubual, didapati antara faktor yang mendorong golongan profesional memilih program pengajian Islam secara formal khususnya di OUM ialah fleksibiliti, mendapat kepuasan diri dan tempat belajar yang kondusif. Selain itu mereka menyatakan juga faktor sistem pembelajaran yang sistematik, akreditasi program, kelayakan dan kewibawaan tenaga pengajar serta keyakinan terhadap penyedia pendidikan.
- Jika ditinjau dari segi keutamaan, majoriti mereka memberikan jawapan fleksibiliti sebagai faktor utama. Sistem pengajian OUM yang sememangnya sesuai untuk warga kerja memberikan peluang dan keselesaan kepada mereka untuk mengikutinya sebaik mungkin. Mereka bebas untuk memilih jumlah kursus, mode pembelajaran, pusat pembelajaran, kelas pengajian, tidak terikat dengan masa yang tetap, cara belajar dan sebagainya.



Di tempat kedua, ramai responden memberitahu bahawa mereka mengambil kursus di OUM kerana ingin mendapat kepuasan diri atau peribadi. Mereka merasakan ada sesuatu yang akan dapat diperolehi apabila belajar secara lebih mendalam ilmu-ilmu kegamaan. Ia juga bererti mereka ingin mencabar diri mereka untuk melakukan sesuatu yang tidak mudah dilakukan. Kejayaan mengharunginya merupakan kepuasan yang tidak dapat digambarkan. Ia juga berkaitan dengan keyakinan terhadap tanggungjawab untuk belajar sepanjang hayat.



Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang terhad ini pengkaji mendapati sebilangan profesional mempunyai minat yang tinggi terhadap ilmu-ilmu pengajian Islam dan mereka sedia mengambilnya secara formal. Bentuk pengajian yang fleksibel menarik minat mereka dan memberi peluang kepada mereka untuk mendalaminya. Ia juga memberikan kepuasan peribadi kepada mereka selain merasakan pengajian agama adalah suatu tuntutan agama yang perlu dipenuhi.



TERIMA KASIH